



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. :03 88841002
Faks :03 88841034
Laman Web :www.moe.gov.my


Rujukan Kami : KPM.600-14/1/20 JLD 29(18)

Tarikh **22** April 2019

16 Sya'aban 1440 H

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(Senarai seperti edaran)

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,



**HEBAHAN PERTANDINGAN ANTARTIKA LESTARI 2019 (MENCIPTA KOMIK) –
PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima maklumat berkaitan penganjuran **Pertandingan Antartika Lestari** oleh pihak **Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan** di **Sekolah Menengah** di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pertandingan berkenaan bertujuan meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab generasi muda terhadap kepentingan benua Antartika.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, Kementerian **tiada halangan** terhadap pelaksanaan program tersebut. Pertandingan tersebut adalah **terbuka dan percuma** kepada penyertaan murid-murid **sekolah menengah** seluruh Malaysia. Bahan pertandingan dan borang pendaftaran serta akujanji (format PDF/JPEG) hendaklah dihantar ke alamat e-mel **antartika.ypasm@gmail.com**. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **27 Mei 2019**.

4. Bersama-sama surat ini disertakan **maklumat dan poster pertandingan** untuk pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan maklumkan kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Sekretariat Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan** di talian telefon **03 26910561** atau e-mel **faiz@ypasm.my**



5. Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam menjayakan Pertandingan Antartika Lestari oleh pihak Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan di Sekolah Menengah ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SUHAIMI SUN BIN ABDULLAH)
b/p Pengarah
Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni
Kementerian Pendidikan Malaysia

ZK/zk

- s.k:
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)
 2. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 3. Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
 4. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
 5. Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak,
01990 Kangar, Perlis.
Tel : 04-9761177
Faks : 04-9767080

2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan,
Jalan Stadium,
05604 Alor Star,
Kedah Darul Aman.
Tel : 04-7331311
Faks : 04-7317242

3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir,
11700 Pulau Pinang
Telefon : 04-6575500
Faks : 04-6582500

4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Telefon : 05-5015000
Faks : 05-5277273

5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3e,
Seksyen 4,
40604 Shah Alam,
Negeri Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03-55186500
Faks : 03-55102133

6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Telefon : 06-7653100
Faks : 06-7639969

7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana,
75450 Bukit Beruang Melaka,
Melaka
Telefon : 06-232 3776/777/778/779
Faks : 06-232 0500
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor
Telefon : 07-2332200
Faks : 07-2385789
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Telefon : 609-5715700
Faks : 609-5734857
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu
Telefon : 09-6244500
Faks : 09-6227207
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu,
Kelantan
Telefon : 09-7418001
Faks 09-7482554
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punat Tanah, 88450 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia

13. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya,
93050 Kuching Sarawak
Telefon : 082-243201 / 253546 / 256195 Faks : 082-246750

14. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Persiaran Duta, Off Jalan Duta,
50604 Kuala Lumpur.
Telefon : 03-62037777
Faks : 03-62037788

15. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4,
Kompleks Ujana Kewangan,
Peti Surat 81097,
87020 Wilayah Persekutuan Labuan.
Telefon : 087-583351 / 583351 / 583357
Faks : 087-583352

16. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2
Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E
62604, Putrajaya

PERTANDINGAN ANTARTIKA LESTARI 2019

(KATEGORI: MENCIPTA KOMIK STRIP)

1.0 LATAR BELAKANG PERTANDINGAN

Pertandingan Antartika Lestari telah diadakan buat julung kalinya sejak tahun 2013 dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab orang awam terutama generasi muda terhadap kepentingan benua Antartika. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha dan inisiatif yang dijalankan di Malaysia selari dengan penglibatan aktif Malaysia dalam bidang diplomasi dan penyelidikan di Antartika.

Pertandingan Antartika Lestari telah dianjurkan oleh Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan disokong oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Ko-kurikulum dan Kesenian. Berikut merupakan senarai pertandingan Antartika Lestari yang telah dijalankan setakat ini.

Bil	Tahun	Pertandingan
1	2013	Pertandingan Antartika Lestari 2013- Video dan Penulisan Esai
2	2015	Pertandingan Antartika Lestari 2015- Komik
3	2016	Pertandingan Antartika Lestari 2016 : Komik (Strip)
4	2017	Pertandingan Antartika Lestari 2017 : Video Kreatif

Pertandingan Antartika Lestari telah berjaya mengetengahkan bakat dan kreativiti pelajar sekolah serta mendalami pengetahuan isu-isu global seperti perubahan iklim dan pencairan ais di wilayah polar.

2.0 KETERANGAN AKTIVITI/PROGRAM

Konsep Pertandingan Antartika Lestari untuk tahun 2019 ialah mereka cipta komik yang bertemakan "*Polar Regions in The Global Climate Change*". Penyertaan terbuka kepada pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia.

Konsep komik dipilih kerana generasi muda kini lebih berminat membaca bahan-bahan yang pendek, ringkas, tetapi padat dengan mesej yang tersirat yang disampaikan melalui gambar dan dialog seperti yang terdapat di dalam buku komik, majalah, risalah dan sebagainya. Karya yang terpilih akan dibukukan untuk dijadikan bahan bacaan ilmiah untuk generasi muda.

3.0 ANJURAN

Pertandingan Antartika Lestari 2019 dianjurkan oleh Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan bersempena penganjuran Malaysian International Seminar on Antartica Kali ke 8 (MISA 8) yang akan diadakan pada 18-20 Jun 2019, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

4.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 4.1 Meningkatkan ilmu pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab orang awam terutama generasi muda dalam memastikan kelestarian ekosistem Antartika.
- 4.2 Memperkasakan peranan generasi muda di Malaysia dalam mempromosikan sains dan teknologi melalui bidang seni dan cipta karya.
- 4.3 Memperkukuhkan dasar awam dan agenda sains Malaysia terhadap benua Antartika.

5.0 KONSEP DAN FORMAT PERTANDINGAN 2019

- 5.1 Peserta dikehendaki mencipta komik ringkas yang bertemakan "*Kawasan Kutub dalam Perubahan Iklim Global*", dengan mengaitkan isu-isu semasa berkaitan wilayah polar.
- 5.2 Kartun boleh dilukis dengan menggunakan grafik komputer atau dengan lukisan tangan (*free hand drawing*) dan hendaklah diwarnakan.
- 5.3 Saiz komik adalah A5 dengan minimum EMPAT mukasurat (Tidak termasuk mukasurat hadapan). Muka surat hadapan hendaklah di isi dengan tajuk komik, nama peserta, nama dan sekolah
- 5.4 Maksimum 3 ke 4 gambar boleh dimuatkan bagi satu-satu mukasurat.
- 5.5 Skrip dialog hendaklah menarik dan ditulis dengan menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- 5.6 Kotak dan belon dialog hendaklah dilukis dengan jelas dan senang dibaca.
- 5.7 Tulisan hendaklah menggunakan jenis Calibri dengan saiz font 10.
- 5.8 Setiap helalan artwork dan layout dialog mempunyai nombor muka suratnya.
- 5.9 Bahan pertandingan dan surat akuanji perlu dihantar dalam format PDF dan dihantar ke alamat e-mel antartika.vpasm@gmail.com (Penyertaan yang menggunakan lukisan tangan hendaklah di imbas (scan) dan dihantar melalui e-mel).

6.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 6.1 Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia.
- 6.2 Pertandingan terbuka secara individu dan berkelompokan (Maksimum TIGA orang).
- 6.3 Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya berhak memenangi satu hadiah.
- 6.4 Penyertaan yang berkualiti dan menepati tema dan syarat sahaja akan diterima dan diberi sijil penyertaan.
- 6.5 Setiap sekolah boleh menghantar sebanyak mana penyertaan pelajar dan berpeluang memenangi Anugerah Khas Antartika Lestari 2019.
- 6.6 Bahan pertandingan akan dinilai melalui keaslian karya, ketepatan fakta, kreativiti, ketelitian, kandungan dan kesesuaian tema.
- 6.7 Penyertaan yang dihantar tidak akan dikembalikan dan segala penyertaan akan menjadi hak milik pihak penganjur.
- 6.8 Karya yang dihantar tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan atau disiarkan oleh mana-mana pihak.
- 6.9 Karya yang terpilih akan dibukukan untuk dijadikan bahan bacaan ilmiah untuk generasi muda. Peserta tidak berhak menuntut royalti terhadap karya yang diterbitkan.
- 6.10 Karya tidak mengandungi isu-isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian agama, kaum, politik, masyarakat dan budaya di Malaysia.
- 6.11 Sekretariat dan ahli jawatan penganjur tidak dibenarkan terlibat dalam pertandingan ini.
- 6.12 Keputusan Panel Juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

7.0 TARIKH PENTING

Tarikh tutup pertandingan : 27 Mei 2019
Tarikh pengumuman pemenang : 11 Jun 2019

Bersempena dengan Persidangan
8th Malaysian International Seminar on Antarctica (MISA8)

PERTANDINGAN ANTARTIKA LESTARI 2019

REKA CIPTA - STRIP KOMIK

Tema: "Polar Regions in The Global Climate System"

ANUGERAH KHAS ANTARTIKA LESTARI:
(Sekolah yang menghantar penyertaan terbanyak dan berkualiti)

RM 1500 + Sijil Penghargaan

HADIAH UTAMA:

TEMPAT KE-2:

**RM 300.00 +
SIJIL PENYERTAAN**

TEMPAT KE-3:

**RM 200.00 +
SIJIL PENYERTAAN**

**HADIAH
SAGU HATI:**

**RM 100.00 +
SIJIL PENYERTAAN
(10 PESERTA)**

SETIAP PENYERTAAN AKAN MENDAPAT SIJIL PENYERTAAN



PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
902- 4, Jalan Tun Ismail,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2691 0561
Email: faiz@ypasm.my

Tarikh Tutup Pertandingan:
27 MEI 2019

**"TERBUKA KEPADA PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH
SELURUH MALAYSIA"**

Format

- ★ Peserta dikehendaki mencipta karya berbentuk Strip Komik yang bertemakan "Kawasan Kutub dalam Perubahan Iklim Global".
- ★ Karya boleh dilukis dengan menggunakan grafik komputer (digital) atau dengan lukisan tangan.
- ★ Karya perlu mempunyai tona warna penuh dan bukan hitam putih sahaja.
- ★ Jumlah kolom/ panel/ bingkai bebas mengikut kreativiti masing-masing dengan syarat tidak melebihi satu muka surat A4. Muka surat hadapan hendaklah diisi dengan tajuk karya, nama peserta dan sekolah.
- ★ Bahan pertandingan dan borang pendaftaran serta akujanji (format PDF/ JPEG) hendaklah dihantar ke alamat e-mel antartika.ypsm@gmail.com (Penyertaan yang menggunakan lukisan tangan hendaklah dilmbas (scan) dan dihantar melalui e-mel).
- ★ Skrip dialog hendaklah mempunyai mesej yang jelas bahan ceritanya, menarik dan ditulis dengan menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Syarat Penyertaan

- ★ Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia.
- ★ Pertandingan terbuka secara individu atau berkumpulan (Maksimum TIGA orang).
- ★ Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya berhak memenangi satu hadiah.
- ★ Penyertaan yang berkualiti, menepati tema dan syarat sahaja akan diberi sijil penyertaan.
- ★ Setiap sekolah boleh menghantar sebanyak mana penyertaan pelajar dan berpeluang memenangi Anugerah Khas Antartika Lestari 2019.
- ★ Bahan pertandingan akan dinilai melalui keaslian karya, ketepatan fakta, kreativiti, ketelitian, kandungan dan kesesuaian tema.
- ★ Karya tidak mengandungi isu-isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian agama, kaum, politik, masyarakat dan budaya di Malaysia.
- ★ Karya yang dihantar tidak pernah menyertai sebarang pertandingan atau disiarkan oleh mana-mana pihak.
- ★ Karya yang dihantar akan menjadi hak milik penganjur secara mutlak dan tidak akan dikembalikan. Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan karya tersebut tanpa persetujuan peserta.
- ★ Karya yang terpilih akan digunakan sebagai salah satu medium aktiviti pembelajaran berkaitan Wilayah Polar. Peserta tidak berhak menuntut royalti terhadap karya yang disiarkan.
- ★ Sekretariat dan ahli jawatankuasa penganjur tidak dibenarkan terlibat dalam pertandingan ini.
- ★ Keputusan Panel Juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.



BORANG PENDAFTARAN DAN AKUJANJI

PERTANDINGAN ANTARTIKA LESTARI 2019 (MENCIPTA KOMIK) BERSEMPENA PENGANJURAN
MALAYSIAN INTERNATIONAL SEMINAR ON ANTARCTICA KALI Ke-8.

1. Nama dan Alamat Sekolah:

.....

2. Nama Peserta :

3. No. Kad Pengenalan:

4. Tajuk Komik :

5. No. Telefon : 6. No. Faks:

8. E-mel :

Nama Guru/ Penyelia:

Jawatan dan cop


AKUJANJI

Adalah saya,..... No. Kad Pengenalan

Dengan ini mengaku bahawa perhatian saya adalah tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan Pertandingan Antartika Lestari 2019. Saya mengesahkan bahawa penyertaan projek adalah hasil kreativiti saya tersendiri dan tidak diplagiat/ diciplak dari mana-mana hakcipta atau hasil karya individu/ kumpulan lain. Sebarang tindakan yang dikenakan oleh kegagalan mematuhi Akujanji ini adalah dibawah tanggungjawab saya sendiri dan tidak akan melibatkan pihak penganjur dan pihak yang bekerjasama. Dengan ini, saya berjanji dan mengaku untuk menandatangani surat akuan ini sebagai salah satu syarat penyertaan dalam Pertandingan Antartika Lestari 2019.

Tandatangan:.....

*Borang pendaftaran di-e-melkan beserta bahan pertandingan ke antartika.ypsm@gmail.com



U/p: Sekretariat
Pertandingan Antartika Lestari 2019
Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
902-4, Jalan Tun Ismail
50480, Kuala Lumpur

*Hanya maklumat ketua kumpulan diisi bagi penyertaan secara berkumpulan.

